

PEMEROLEHAN BAHASA IMAM AL-SHAFIE SEBAGAI SURI TELADAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Wazzainab Binti Ismail¹

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Pemerolehan bahasa adalah antara cabang Ilmu Psikolinguistik. Umumnya setiap individu adalah berbeza cara pemerolehan bahasa. Perbezaan suasana, faktor sekeliling, keturunan, kecenderungan dan kehidupan sosial serta segala yang berkisar dalam hidup seseorang bakal melakar potret lengkap penerimaan bahasa terhadap diri seseorang. Kajian ini adalah penyelidikan terhadap pemerolehan bahasa dalam dua aspek; kompetensi dan performansi Imam Al-Shafie. Fakta sejarah menyatakan bahawa Imam Al-Shafie berketurunan Quraish iaitu keturunan Rasulullah SAW. Keturunan mereka bertemu pada datuk mereka Abd Manaf. Ibunya pula Fatima Al-Azdiyah adalah dari Yaman. Keturunan yang masyhur akan keberanian, ketaatan dan kebenaran pada kata dan bicara. Selain itu, Imam Al-Shafie suka dan selesa berterusan bergaul bersama pemilik bahasa baku dan tinggi kesantunan iaitu Bani Hudzail. Di samping itu, beliau telah menghafal al-Quran pada umur tujuh tahun dan menghafaz hasil nukilan Imam Malik iaitu Muwatta pada umurnya tiga belas tahun. Berkelana beliau mencari ilmu ke pelbagai tempat dan daerah pula memberi impak yang besar pada ilmu dan pengetahuannya. Manakala peranan guru dan ulama disamping beliau juga antara faktor utama pembentukan personaliti besar Imam Al-Shafie terutamanya dari segi bahasa. Menelusuri pemerolehan bahasa Imam Al-Shafie adalah salah satu cara meneladani proses pembelajaran bahasa Arab. Kesungguhan Imam Al-Shafie dalam menuntut ilmu dan mendalami bahasa Arab adalah suri teladan yang sangat baik dalam usaha menuntut bahasa dan ilmu. Kajian secara kualitatif telah mengumpul persepsi pelajar dan pensyarah bahasa Arab Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor bagi menzahirkan hubungkait pemerolehan bahasa dan pembelajaran bahasa yang dijalankan dalam kajian ini. Dapatkan kajian memperlihat bahawa ciri-ciri pemerolehan bahasa oleh Imam yang sangat berpengaruh ini adalah antara suri teladan pembelajaran bahasa Arab.

Kata Kunci: *Imam Al-Shafie, pemerolehan bahasa, pembelajaran bahasa Arab, suri teladan*

1.0 PENDAHULUAN

Menurut Muhamad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t) Imam Al-Shafie berketurunan Quraish dari jalur keturunan bapanya. Nasab Imam Al-Shafie bertemu dengan Rasulullah SAW pada Abd Manaf. Beliau adalah pengasas Mazhab Al-Shafie iaitu satu daripada empat mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaa'h. Beliau dilahirkan pada tahun 150 H, pada tahun yang sama dengan

¹ Jabatan Bahasa dan Potensi Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS, wazzainab@kuis.edu.my

kewafatan ulama besar yang hebat iaitu Imam Abu Hanifah (pengasas Mazhab Hanafi). Sampai sebahagian orang mengatakan, “seorang imam telah meninggal dunia dan lahir pula seorang imam yang lain”

Abdul Halim El-Muhammady (2009) menyatakan bahawa Mazhab Shafie berperanan dalam perkembangan pemikiran fiqh kepada masyarakat di Malaysia. Mazhab ini memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat dengan dikembangkan melalui dua saluran; pendidikan dan perundangan. Dikatakan pendakwah yang membawa Islam ke Tanah Melayu adalah dari Hadramaut, Yaman dan Gujarat, India. Pendakwah ini adalah bermazhab Shafie. Kesannya Malaysia menerima Islam bermazhab Shafie yang dapat dilihat dalam kanun negeri-negeri Melayu dan teks-teks pengajian fiqh serta amalan masyarakat.

Jelas Imam Al-Shafie adalah ulama' agung di hati orang Islam di Malaysia. Kehebatan ilmu fekah, tafsir, hadis dan bahasa yang dimiliki beliau sangat hebat dan luar biasa. Khairurrijal Fahmi Dan Nuruddin (2014) Arif Karkhi (2015), Muhamad Abdul Rahim (1997) dan Imil Nasif (1999) mencatat puisi-puisi Imam Al-Shafie dan menzahirkan kekuatan bahasa yang dimiliki beliau. Namun kehebatan bahasa beliau jarang dibincangkan terutamanya di kalangan masyarakat bukan Arab. Maka kajian ini mengambil peluang untuk mendedahkan dan menyebarluas kebijaksanaan dan kesungguhan Imam Al-Shafie dalam menguasai bahasa dan ilmu. Seterusnya pemanfaatan bahasa beliau dikaji melalui proses pemerolehan bahasa Arab yang dimiliki beliau. Kemudian proses pemerolehan ini dikaitkankan dengan pembelajaran bahasa sebagai satu usaha mewujudkan suri teladan pembelajaran bahasa.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 2.1- Menerangkan dengan jelas beberapa faktor penting pemerolehan bahasa dan penguasaan ilmu Imam Al-Shafie.
- 2.2- Menjelaskan hubungan pemerolehan bahasa Imam Al-Shafie dalam dua aspek; kompetensi dan performansi dengan pembelajaran bahasa Arab.
- 2.3- Mezahirkan proses pemerolehan bahasa Imam Al-Shafie sebagai suri teladan pembelajaran bahasa Arab.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif. Analisis dokumen dilaksanakan terhadap semua data yang mencatat tentang pemerolehan bahasa dan penguasaan ilmu Imam Al-Shafie. Manakala persepsi bertulis pelajar dari kelas bahasa Arab NBWU2102 (Al-Arabiah Al-A'liyah Li Dirasat Islamiyyah III) seramai 10 orang dan 3 orang pensyarah bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dianalisis untuk melihat kesesuaian pemerolehan bahasa Imam Al-Shafie sebagai suri teladan pembelajaran bahasa Arab.

4.0 SOROTAN KAJIAN

4.1 -Pemerolehan bahasa

Pemerolehan bahasa adalah proses yang berlangsung di dalam otak kanak-kanak ketika dia memperoleh bahasa pertamanya atau bahasa ibunda. (Safriandi A. Rosmanuddin (2009), Chaer, (2003). Chomsky menyebutkan bahawa terdapat dua proses yang terjadi ketika seorang memperoleh bahasa pertamanya. Proses yang dimaksud adalah proses kompetensi dan proses performansi. Kompetensi adalah proses penguasaan tata bahasa (fonologi,

morfologi, sintaksis, dan semantik) secara tidak disedari. Kompetensi ini dibawa oleh manusia sejak lahir dan kompetensi memerlukan pembinaan sehingga seseorang memiliki performansi dalam berbahasa. Performansi adalah kemampuan menggunakan bahasa untuk berkomunikasi. Performansi terdiri dari dua proses, iaitu proses pemahaman dan proses penerbitan kalimat-kalimat. Proses pemahaman melibatkan kemampuan mengamati atau mempersepsi kalimat-kalimat yang didengar, sedangkan proses penerbitan melibatkan kemampuan menghasilkan kalimat-kalimat sendiri (Safriandi A. Rosmanuddin (2009), Chaer, (2003).

Pemerolehan bahasa dalam kajian ini bukan sekadar memberi fokus kepada proses penerimaan bahasa. Tetapi lebih meneliti corak penerimaan bahasa yang berlaku ke atas Imam Al-Shafie dengan meneliti proses pemerolehan secara formal dan tidak formal. Di samping aspek kompetensi dan performansi diperincikan. Maka pemerolehan bahasa dalam kajian ini bukan sekadar melihat keadaan bahasa yang diterima oleh Imam Al-Shafie tetapi semua faktor yang berperanan dalam proses pemerolehan ini diamati demi menzahirkan relevensinya sebagai suri teladan pembelajaran bahasa Arab.

4.2 -Pembelajaran Bahasa Arab

Abdul Rahim (2016) menyatakan bahawa teori Ibnu Khaldun (wafat 808 H) dalam penulisannya menyokong bahawa asas pengajaran bahasa adalah dengan mewujudkan persekitaran bahasa yang mengfokuskan bahasa Arab baku iaitu bahasa fushah yang merupakan bahasa al-Quran. Pengajaran bahasa juga memerlukan dua proses utama iaitu menghafaz dan mengaplikasi kosa kata. Manakala Rosni Samah (2012) menegaskan bahawa pengajaran bahasa Arab perlu mampu melahirkan pelajar yang mempunyai kredibiliti dalam pelbagai aspek seperti komunikasi, bisnes, akademik dan mempunyai pemikiran kreatif dan analitik.

Secara umum peranan pembelajaran bahasa Arab amat penting selain ianya bahasa utama yang perlu dipelajari oleh umat Islam dalam pelaksanaan ibadah. Selayang pandang kepada tajuk kajian yang memilih pemerolehan bahasa pertama oleh Imam Al-Shafie sebagai suri teladan pembelajaran bahasa oleh pelajar bukan Arab adalah sesuai. Fakta ini disokong oleh Fawzi Al Ghazali (2006) yang mengumpul pandangan pakar bahasa iaitu Oxford (1990), Brown (1994) bahawa mereka tidak membezakan antara pemerolehan bahasa pertama dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Ini kerana pakar-pakar ini melihat kepada objektif iaitu memiliki bahasa dan memperoleh bahasa tidak kira sama ada ianya bahasa pertama atau bahasa kedua. Bahkan Fawzi Al Ghazali (2006) mencatat pandangan Vigotsky (1978) yang menegaskan bahawa orang dewasa yang mempelajari bahasa kedua adalah lebih baik daripada kanak-kanak yang memperoleh bahasa pertama. Hal demikian kerana penuntut bahasa mempunyai tujuan, motif dan dorongan. Sedangkan penerima bahasa hanya menerima bahasa dari persekitarannya.

Mengamati pandangan pakar bahasa didapati bahawa memperoleh dan mempelajari bahasa adalah dua perkara yang sangat berbeza. Walaupun berbeza kombinasinya akan mencetuskan suasana penerimaan bahasa yang lebih mantap. Oleh yang demikian kajian ini akan mengupas jalinan unik pemerolehan bahasa ulama' agung pengasas Mazhab Shafie sebagai contoh teladan pembelajaran bahasa.

5.0 PEMEROLEHAN BAHASA IMAM AL-SHAFIE

Lakaran Sejarah Islam mencatat perjalanan hidup insan hebat kelahiran bumi istimewa Palestin ini. Kesungguhan Imam Al-Shafie menimba ilmu dan semangat jitu memegang Al-Quran dan As-Sunnah meningkatkan martabat beliau dalam dunia Sarjana Islam. Rentetan itu kajian ini akan menelusuri sejarah hidup beliau sepanjang usaha beliau mencari ilmu dan memperoleh bahasa. Pemerolehan bahasa beliau dikaji sebagai satu cara pembelajaran bahasa. Terdapat beberapa perkara utama dalam usaha menyusun maklumat berkaitan pemerolehan bahasa Imam Al-Shafie. Bermula daripada ciri keturunannya, muamalahnya bersama Bani Hudzail, hafazan Al-Quran dan kitab-kitab, perjalanan ilmiah beserta kesungguhan beliau menguasai bahasa dan pelbagai bidang ilmu dan akhir sekali kehebatan dan kesopanan beliau berdiskusi.

5.1- Keturunan Mulia

Muhamad Abu Zahrah.(1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t) mencatat bahawa Imam Al-Shafie berketurunan Quraish dari jalur keturunan bapanya. Nama lengkap Imam Al-Shafie ialah Muhammad bin Idris bin Al-‘Abbas bin Usman bin Syafi’i bin Al-Sa’ib bin ‘Ubaid bin Abd Yazid bin Hasyim bin Muttalib bin Abd Manaf bin Qusay bin Murrah bin Kaa’b bin Luai bin Qalib bin Fihir bin Malik bin Nadhir bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhir bin Nazzar bin Maad bin Adnan bin Humaisi’. Nasab Imam Al-Shafie bertemu dengan Rasulullah SAW pada Abd Manaf.Darah Quraish yang mengalir di dalam tubuh beliau adalah refleksi kehebatan satu kaum yang sangat mulia dan amat terpengaruh di bumi Arab.Selain mukzijat agung Al-Quran diturunkan dalam bahasa Quraish. Kabilah Quraish adalah nama besar merupakan gelaran kepada datuk Imam Al-Shafie yang ke 15 iaitu Fihir bin Malik. Fihir mendapat gelaran tersebut sebagai kiasan kepada perkataan Quraish yang berasal daripada nama seekor ikan yang sangat besar seperti ikan paus. Kiasan diberi kepada kaum yang hebat dan mulia, yang menakluk dan menguasai bumi Arab serta penjaga Kaabah sejak sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW. Pendapat lain mengatakan bahawa Quraish bermaksud kembali berhimpun iaitu keturunan yang bertebaran kembali berhimpun. Namun keunggulan Quraish diceritakan pada Surah Quraish.


سُورَةٌ قُرْيَشٌ

لِإِلَفِ قُرَيْشٍ (۱) إِلَيْهِمْ رَحْلَةُ الْسِّنَاءِ وَالصَّيْفِ (۲) فَلَيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ (۳) الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَءَامَنَهُمْ مَنْ خَرَبٌ (۴)

Surah Quraish

Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Mekah) (1) (Iaitu) kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman) dan pada musim panas (ke negeri Syam), (2) Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini, (3) Tuhan yang memberi mereka penghidupan, menyelamatkan mereka dari kelaparan dan mengamankan mereka dari ketakutan. / (4)

Jadual 1: Keturunan Quraish



Kehebatan sebuah kaum yang menakluk bumi Arab melalui perdagangan.Diberi penghormatan memelihara Kaabah sejak tapak pertamanya dipasak Nabi Allah Ibrahim AS kemudian anaknya Nabi Ismail AS.Kemudian lahir penghulu segala Nabi iaitu Muhamad Ibni Abdullah Al-Qurasy.Kemuliaan keturunan ini mewarnai keturunan Imam Al-Shafie apabila bertemu pada datuk mereka Abd Manaf.Maka Imam Al-Shafie meneruskan penaklukan dunia melalui ilmunya yang kini sampai ke bumi Malaysia menerusi pelaksanaan fekah Imam Al-Shafie.

Imam Al-Shafie dilahirkan pada tahun 150 H dan wafat pada umurnya 54 tahun pada tahun 204 H. Berikut kisah kewafatan beliau.

Ketekunan Imam Al-Shafie dalam ilmu pengetahuan membuatkan dirinya kurang rehat dan terkena penyakit yang amat berat. Muhammad bin Abdullah bin Abdul Hakam menceritakan keadaan Imam Al-Shafie yang menderita kesakitan, “Al-Shafie menderita penyakit buasir yang sangat parah dan membimbangkan. Ia menyedari sakitnya itu. Akhirnya, Imam Al-Shafie wafat di Mesir pada malam Jumaat di hari akhir bulan Rejab, 204 H selepas selesai melaksanakan solat Maghrib. (Muhammad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t))

Menurut Muhammad Abu Zahrah(1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t) Imam Al-Syafie dilahirkan di Gaza, Palestin. Desa Gaza ini berdekatan dengan sebuah kota yang dikenali sebagai ‘Asqalan dan kebanyakan mereka adalah orang Yaman. Ini amat jelas kerana suku kaum ibunya adalah Azdiyah yang berasal dari Yaman dan ibunya bernama Fatimah Binti Abdullah. Imam Al-Syafie pernah berkata, “Ibuku berasal dari suku Azdi. Keturunan Azad terkenal dengan keberanian, ketiaatan dan kebenaran pada kata dan bicara. Dari aspek kerajaan Islam, Imam Al-Shafie hidup dalam zaman kegemilangan Kerajaan Abassiyah iaitu bermula Zaman Abu Jaafar Al-Mansur (136-158H), Mahdi (158-169H), Al-Hadi (169-170H), Harun Al-Rasyid (170-193H), Al-Amin (193-197H) dan Al-Makmun (198-218 H). Jika diteliti kerajaan Abassiyah adalah juga daripada keturunan Quraish.

Abd Manaf			
Muttalib (1) (Ke Yaman)	Hasyim(Nama sebenar ‘Amru) (2) (Ke Sham wafat di Palestin)	Abd Sham (3) (ke Habsyah, Afrika)	Nawfal (4) (ke Parsi)
Hasyim	Abd Muttalib (Nama Sebenar Syaibah)		
Abd Yazid	Abdullah		
‘Ubaid	Muhammad (Rasulullah SAW)		
Al-Sa’ib (Masuk Islam ketika perang Badar, mempunyai raut wajah Nabi SAW.)			
Syafi’ (pernah jumpa Nabi Muhammad)			
Usman			
Al-Abbas			
Idris			
Muhammad (Imam Al-Shafie)			

Jadual 2: Bertemu keturunan Nabi Muhammad dan Imam Al-Shafie pada datuk mereka Abd Manaf. (Muhammad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t))

Kesungguhan Imam Al-Shafie menuntut ilmu

Setiap hari Imam Shafie menghadiri kelas fiqah yang diajar oleh Imam Muslim al-Zanji. Dicatat satu keadaan dia tidak mampu membeli alat tulis dan kertas. Oleh itu dia menulis catatannya pada kulit kayu, pelepas tamar dan kertas terbuang. Pada suatu hari, Imam Shafie masuk ke dalam kelas tanpa membawa apa-apa. Imam Shafie menulis pada tapak tangan kiri dengan jari jelunjuk kanannya. Perbuatan itu disedari oleh gurunya. “Apakah kamu sedang bermain ataupun mengikuti apa yang saya ajarkan?” tanya Imam Muslim al-Zanji. “Saya sedang belajar,” jawab Imam Shafie. “Pelajar lain menulis pada buku dan kertas. Tetapi saya lihat kamu asyik menggaru tapak tangan kamu,” “Maafkan saya. Saya menulis apa yang tuan ajar pada tapak tangan saya kerana tidak mampu membeli alat tulis dan kertas,” kata Imam Shafie pula. “Sekiranya benar begitu, cuba kamu baca semula apa yang kamu tulis pada tapak tangan kamu tadi,” pinta Imam Muslim al-Zanji. Imam Shafie membaca semula apa yang diajarkan oleh Imam Muslim tanpa tinggal satu patah perkataan pun. Imam Muslim al-Zanji dan semua anak muridnya berasa kagum dengan kebolehan luar biasa Imam Shafie. “Kamu adalah anak murid saya yang paling miskin. Demi Tuhan saya tidak akan mengambil apa-apa bayaran daripada kamu. Teruslah berguru denganku hingga kamu menjadi mahir dalam ilmu fiqah,” Imam Shafie semakin tekun belajar hingga akhirnya dia diakui gurunya dapat mengajar serta dapat memberi fatwa mengenai hukum-hukum agama. (Muhammad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t))

5.2- Bani Hudzail

Saad Yasin As'd Kabha (1998) dalam kajiannya mengatakan bahawa Bani Hudzail adalah dari suku Adnaniyah. Bertemu nasab Hudzail kepada Nasab Rasulullah adalah pada Datuk Nabi yang kelima belas iaitu Hudzail bin Mudrikah. Hudzail adalah antara Qabilah Arab yang paling ramai melahirkan ulama' Tafsir, Bahasa dan Kesusasteraan Arab, Hadis dan Sejarah. Kaum yang dianugerahkan Allah ketinggian nilai bahasa dan keunikan kesantunan sastera. Mereka adalah penghuni kawasan pergunungan berhampiran Mekah.

Kata Imam Al-Shafie, “Saya meninggalkan kota Mekah dan tinggal di pedalaman Arab Badwi bersama suku Hudzail. Saya mempelajari adat istiadat mereka. Ini kerana Hudzail adalah suku yang paling fasih berbahasa Arab. Ketika kembali ke Mekah, saya sering membuat syair, menceritakan kisah-kisah sastera dan menghuraikan riwayat-riwayat yang saya perolehi”.

Imam Al-Shafie melanjutkan ceritanya tentang suku Hudzail, “Suku Hudzail itu seperti jin dari kalangan manusia. Mereka mampu melihat kesalahan bahasa Arab yang orang lain menganggapnya sudah benar.”

Kemampuan Imam Al-Shafie dalam bidang bahasa dan kesusasteraan arab memang diakui oleh para ulama. Al-Ashma'i, seorang yang terkenal dalam dunia kesusasteraan Arab, berkata, “Saya telah mendapat pembetulan tentang syair-syair Hudzail dari seorang pemuda Quraisy yang bernama Muhammad bin Idris (Al-Shafie).” (Muhammad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t))

Al-Jundi (1966) pernah mengkaji dan menjelaskan mengenai gaya bahasa yang sering digunakan oleh Imam Al-Syafie di dalam kitabnya, Al-Imam Al-Syafie, iaitu:(1) Kefasihan bahasanya.(2) Kata-kata yang ringkas.(3) Menyentuh perasaan pembaca.Antara puisi Imam Al-Shafie.

لَا تَهْرُأْ بِالدُّعَاءِ	
Jangan perkecilkan peranan doa	
وَمَا تُنْهَرِي بِمَا صَنَعَ الدُّعَاءُ 2- Sedangkan kamu tidak pun tahu apa yang dilakukan oleh doa	أَنْهَرَأْ بِالدُّعَاءِ وَتَنْهَرِي 1- Adakah kamu perkecilkan peranan doa dan menghinanya(tak yakin)
لَهَا أَمْدٌ وَالْأَمْدُ أَقْضَاءُ 4- Ia ada destinasinya . Dan setiap destinasi itu ada ketentuannya	سَهَامُ اللَّتِيلِ لَا تُخْطِي وَلَكُنْ 3- Anak panah pada waktu malam yang tidak pernah tersasar tetapi
وَبِرْ سَلَها إِذَا مَنَّ الْقَضَاءُ-6 Akan dihantar doa itu jika sampai ketentuannya (akan dimakbulkan jika sampai waktunya)	فَمِسْكُها إِذَا مَا شَاءَ رَبِّي-5 Maka memegangnya jika berkehendak Tuhan (Tuhan akan memegangnya jika Dia mahu)

5.3- Kehebatan ilmu dan Peranan Ulama'

- **Imam Al-Shafie Hafaz Hadis**

Keinginan Imam Al-Shafie terhadap ilmu-ilmu Islam semakin membara. Setelah menghafal Al-Qur'an semasa berusia tujuh tahun dan mendalami bahasa Arab, beliau cenderung pula untuk mendalami ilmu Hadis.Berikut nasihat ulama' kepada beliau.

Di dalam kitab Al-Muhaddits Al-Fashil ada kisah yang hampir sama dengan kisah Imam Al-Shafie. Hafs bin Ghiyats berkata: Saya datang kepada al-A'masy dan berkata kepadanya: Riwayatkanlah hadis kepadaku! Al-A'masy bertanya: Apakah engkau sudah menghafal Al-Qur'an? Saya menjawab: Belum. Lalu dia berkata kepadaku: Pergilah hafalkan al-Qur'an! Kemudian (jika sudah), barulah aku bersedia meriwayatkan hadis kepadamu. Hafs berkata: Kemudian saya pergi untuk menghafal al-Qur'an. Lalu, saya datang semula kepadanya. Dia meminta saya untuk membaca al-Qur'an dan saya pun membaca (di hadapannya). Setelah itu, barulah dia meriwayatkan hadis kepadaku.(Muhammad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t))

Imam Al-Shafie telah mendapat khabar tentang seorang ulama besar Madinah yang hebat dalam bidang hadis, iaitu Imam Malik.Majlis pengajian Imam Malik dikenali sebagai Madrasah Ahli Hadis. Lantas, Imam Al-Shafie segera meminjam kitab Al-Muwattha' susunan Imam Malik dari seorang kenalan di kota Mekah. Kitab itu dibaca dan dihafalkan olehnya.Usianya ketika telah menghafal kitab Al-Muwattha' ialah 13 tahun.Kemudian, Imam Al-Shafie berangkat pergi berjumpa dengan Imam Malik di Madinah serta berguru dengannya sampai kewafatan Imam Malik.Imam Al-Shafie turut dikenali sebagai "Pembela Hadis atau Nashir al-Sunnah" di kota Mekah. Tertera adalah bukti kekuatan hafazan Hadis Imam Al-Shafie.

Seorang anak murid Imam Al-Shafie yang bernama Ahmad bin Hanbal pernah ditanya tentang status Imam Al-Shafie sama ada beliau seorang ahli hadis ataupun bukan? Lalu, Amirul Mukminin fil Hadis, Imam Ahmad bin Hanbal berkata, "Ya, demi Allah, beliau adalah 'Ahli Hadis'."Pernah imam Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah ditanya tentang perihal Imam Al-Shafie, "Apakah anda mengetahui tentang adanya hadis sahih yang belum sempat ditulis oleh Al-Shafie? Maka jawabnya, "Tidak". (Muhammad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t))

- **Imam Al-Shafie Pakar Fiqh**

Diriwayatkan dari Al-Humaidi bahawa Imam Al-Shafie berkata, “Ketika saya sedang berjalan untuk mempelajari ilmu nahwu dan kesusasteraan Arab, tiba-tiba saya bertemu dengan Muslim bin Khalid Az-Zanji. Ia bertanya: Wahai anak muda, kamu berasal dari mana? Dari keturunan orang Mekah, jawabku. Dari kabilah apa?, tanya beliau lagi. Kabilah Abd Manaf, jawabku. Lalu ia pun berkata: Bagus, bagus. Sungguh Allah telah memuliakanmu di dunia dan di akhirat. Andai kamu gunakan kecerdasanmu untuk mempelajari fiqh, maka hal itu lebih baik bagimu.” (Muhammad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t))

Sebenarnya kefakihan Imam Al-Shafie sudah terserlah sejak usianya masih muda remaja. Oleh sebab itu, beliau telah diizinkan oleh Muslim bin Khalid Az-Zanji (Mufti Mekah) supaya memberikan fatwa ketika umurnya 15 tahun. Muhammad Abu Zahrah (1978) juga menjelaskan bahawa Imam Al-Shafie adalah merupakan pendahulu yang menulis dan membukukan penulisan tentang Usul al-Fiqh secara sistematik yang dikenali sebagai kitab ‘Al-Risalah’. Ini menunjukkan kefakihan Imam Al-Syafie terhadap dasar-dasar ilmu fiqh dan segala cabangnya.

5.4- Musafir Ilmi

- **Kembara Imam Al-Shafie**

Buat kali pertamanya, Imam Al-Shafie telah dibawa oleh ibunya melakukan perjalanan dari Palestin ke Mekah ketika Imam Al-Syafie berusia 2 tahun.

“Imam Al-Shafie berkata, “Saya dilahirkan di Yaman (berdekatan dengan kabilah Yaman), kemudian ibu saya bimbang nasab saya. Kata ibu saya: Kamu mesti berada di daerah asalmu, sehingga kamu jadi seperti mereka. Ibuku bimbang nasabku akan hilang. Kemudian ibu mempersiapkan diri untuk menuju kota Mekah. Lalu, ibu mula mengarahkan saya supaya mencintai ilmu pengetahuan. (Muhammad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t))

Muhammad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t) menceritakan bahawa Imam Al-Shafie pergi bertemu dengan Imam Malik di Madinah untuk belajar kepada ilmu hadis dan fiqh. Imam Al-Shafie menerima tawaran bekerja sebagai pegawai di Yaman. Tetapi, sebahagian orang yang tidak senang dengan Imam Al-Shafie lantas memfitnahnya dan menuduhnya sebagai Syiah. Imam Al-Shafie kemudian dibawa ke Iraq untuk dihukum di depan Khalifah Harun Al-Rasyid. Mujurlah dengan kurniaan Allah, kepetahan lidah Imam Al-Shafie dapat menyelamatkan nyawanya dari dihukum bunuh. Setelah itu Imam Al-Shafie telah pulang semula ke Mekah dan mengajar di sana. Sepuluh tahun Imam Al-Shafie telah meninggalkan Iraq, lalu beliau berhasrat untuk hadir semula ke Iraq bagi memperkenalkan fiqh barunya. Di sana, di Masjid Jami’ Fustath, Imam Al-Shafie telah didatangi ramai orang yang hendak mempelajari fiqhnnya. Beliau juga sempat menerbitkan kitabnya yang berjudul ‘Al-Hujjah’. Setelah berada 2 tahun di Iraq, lalu Imam Al-Shafie kembali semula ke Mekah.

Namun, tidak lama kemudian Imam Al-Shafie berkunjung sekali lagi ke Iraq buat kali ketiganya pada tahun 198 H. Beliau mula berkunjung ke Mesir pada tahun 198 H. Tujuan

Imam Al-Shafie berkunjung ke Mesir adalah untuk meneruskan perjalanan mencari ilmu pengetahuan serta menyebarkan fiqhnya. Ketika berada di sana, beliau telah mengubah banyak pendapat lamanya kepada pendapat yang baru setelah mengetahui dalil-dalil yang baru dan menemui kekuatan serta kelemahan dalil-dalil. Akhirnya, beliau berjaya menyusun penulisan baru yang dinamakannya “Al-Umm”.

5.5 Karya Imam Al-Shafie

Imam Al-Syafie sangat rajin menulis. Beliau sering menulis karya apabila diminta oleh para ahli ilmu. Pernah ahli-ahli hadis meminta Imam Al-Shafie menganjur penulisan khusus bagi mengkritik mazhab ahli ra'yi dan membela mazhab ahli hadis. Lalu, Imam Al-Shafie pun menunaikan permintaan mereka itu.

Di antara karya Imam Al-Shafie ialah:

1. Ikhtilaf al-Hadits. Kitab ini dikarang oleh Imam Al-Shafie bagi membahaskan mengenai kehujahan hadis ahad secara khusus dan membela sunnah secara umum.	4. Al-Umm. Ini merupakan karya Imam Al-Shafie ketika beliau mengajar di Mesir. Kitab inilah yang membentangkan pendapat baru (Qaul Jadid) Imam Al-Shafie dalam ilmu fiqh.
2. Al-Hujjah. Ini merupakan karya Imam Al-Shafie ketika beliau mengajar di Baghdad, Iraq. Kitab inilah yang membentangkan pendapat lama (Qaul Qodim) Imam Al-Syafie dalam ilmu fiqh.	5. Al-Risalah. Kitab ini ditulis oleh Imam Al-Shafie atas permintaan Abdurrahman bin Mahdi. Inilah karya Imam Al-Shafie yang membahaskan mengenai ilmu usul al-fiqh.
3. Al-Mabsuth. Kitab ini merupakan karya Imam Al-Shafie yang menghidangkan beberapa tambahan dalam ilmu fiqh.	6. Diwan Al-Shafie. Iaitu himpunan puisi Imam Shafie. (Muhamad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t))

5.6- Diskusi Ilmiah

Imam Al-Shafie Pakar Debat

Imam Al-Shafie sangat pandai berdebat. Kehebatannya berdebat dan mengalahkan pihak lawan telah masyur diketahui ramai. Antara contoh diskusi Imam Al-Shafie.

Imam Al-Shafie juga pernah berdebat dengan Imam Ahmad bin Hanbal tentang masalah orang yang meninggalkan solat.
Imam Al-Shafie: Hai Ahmad, apakah kamu menganggap orang yang meninggalkan solat itu kafir?
Imam Ahmad: Ya.
Imam Al-Shafie: Jika jadi kafir maka bila pula ia menjadi Muslim?
Imam Ahmad: Apabila orang itu mengucap dua kalimah syahadah.
Imam Al-Shafie: Bukankah orang itu masih meyakini kalimah syahadah dan tidak mengkarinya?
Imam Ahmad: Ia boleh dianggap Muslim jika solat.
Imam Shafie: Solatnya orang kafir tidak sah dan seseorang tidak boleh disebut Muslim hanya dengan solat sahaja.
Maka, Imam Ahmad pun terdiam dan perdebatan berakhir. (Muhamad Abu Zahrah (1978), Al-Jundi (1966), Al-Razi (1953), Al-Baihagi (1976) dan Al-Nashrati (t.t))

Tujuan Imam Al-Shafie berdebat bukanlah untuk menyalahkan lawannya tetapi tujuan sebenar beliau adalah untuk mencapai kebenaran melalui perdebatan, tanpa mengira sama ada kebenaran itu akan memihak kepadaanya atau kepada lawannya.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Proses Pemerolehan bahasa Imam Al-Shafie	Pembelajaran bahasa Arab	Rumusan Persepsi 10 Pelajar dan 3 Pensyarah
Berketurunan daripada golongan pemilik bahasa yang paling tinggi kesantunan iaitu bahasa Quraish. Keturunan Quraish berperanan dalam membentuk kompetensi bahasa Arab tulen. Peranan ibu yang memikirkan masa depan anaknya dengan membawanya dari Palestin ke Mekah supaya beliau berada dalam keturunannya adalah satu usaha menjaga bahasa Arab tulen. Ketika itu Imam Al-Shafie berumur 2 tahun. Ini juga tindakan pemeliharaan kompetensi bahasa.	Pembelajaran bahasa memerlukan persekitaran bahasa Arab fushah. Persekutaran itu wajib diwujudkan agar bahasa itu hidup. Persekutaran yang baik untuk bahasa adalah usaha mewujudkan kompetensi bahasa yang tulen dan sahih. Peranan keluarga penting sebagai sokongan dalam pembelajaran bahasa Arab anak-anak. Perlu dilihat semula sejauh manakah ibu bapa memberi penekanan terhadap dunia menuntut ilmu oleh anak-anak. Maka ibu bapa perlu bersama-sama berfikir dalam usaha membentuk persekitaran bahasa Arab. Ini kerana penutur bukan Arab perlu berusaha lebih gigih agar kompetensi bahasa diwujudkan seperti suasana bahasa yang menggunakan nahu dan saraf yang tepat.	Keturunan berperanan. Namun Rasulullah SAW sendiri meletak agama dihadapan keturunan. Maka difahami bahawa kekuatan agama dan tarbiah keluarga yang baik akan memudahkan usaha menuntut ilmu dan bahasa. Selain itu, ibu bapa sangat berperanan dalam menjamin kemajuan anak-anak.
Muamalah bersama Bani Hudzail yang terkenal akan keunggulan bahasa dan puisi juga suku kaum yang memiliki kekuatan fizikal kerana hidup di kawasan pergunungan. Oleh itu Bani Hudzail adalah juga pembentuk kompetensi bahasa terhadap Imam Al-Shafie. Selain peluang	Pembelajaran bahasa memerlukan rakan yang dapat membantu proses pemerolehan bahasa. Mencari rakan yang suka bertutur, berjiwa kental dan sentiasa memberi dorongan dalam memantapkan bahasa. Kompetensi bahasa seperti nahu, saraf, balaqah, fonetik dan lain-lain ilmu bahasa Arab dapat diserap dengan baik melalui muamalah bersama pemilik bahasa yang asli. Namun pelaksanaannya adalah mengikut kreativiti dan kesesuaian. Zaman kini menyaksikan terdapat pelbagai cara yang sesuai seperti	Memilih rakan yang dapat membantu pembelajaran bahasa. Selain keperluan keluar dan mencari suasana bahasa dan mendalaminya bahasa tersebut. Bahasa Arab amat memerlukan persekitaran yang sesuai agar proses pembelajaran bahasa itu berlaku berterusan. Pengaruh

membina jati diri kental di kawasan pergunungan.	menonton berita Arab Al-Jazeera, mendapatkan dan menonton video-video yang menggunakan bahasa Arab baku melalui <i>Whatsapp</i> , <i>facebook</i> , <i>youtube</i> dan lain-lain.	rakan sebaya amat penting bagi membantu hafazan dan pemahaman bahasa. Maka bijak memilih rakan yang suka bahasa Arab dapat mewujudkan <i>biah arabiah</i> .
Kehebatan ilmu Imam Al-Shafie adalah hasil kegigihannya. Bermula dengan hafazan Al-Quran, Kitab Muwatta', Hadis, puisi-puisi dan riwayat-riwayat. Maka proses kompetensi yang mantap berlaku dengan lebih sempurna. Tambahan kepada peranan ulama' yang membimbing Imam Al-Shafie.	Pembelajaran bahasa Arab perlu kepada kosa kata. Hafazan Al-Quran atau kekerapan bacaan Al-Quran dan karya-karya Arab adalah satu gambaran proses penerimaan bahasa. Penerimaan bahasa dari sumber yang baik seperti Al-Quran, Hadis dan buku-buku yang tinggi kesantunan bahasa akan membantu pemerolehan kompetensi bahasa yang sangat baik.	Al-Quran adalah punca segala ilmu. Pegangan kuat pada Al-Quran akan memudahkan pembelajaran bahasa Arab dan proses menuntut ilmu. Keinginan yang sangat tinggi untuk belajar ilmu atau bahasa adalah sangat penting. Belajar bahasa memerlukan kesabaran. Berdampingan bersama ulama akan mewarisi ilmu, bahasa dan akhlak terpuji. Selain membaca atau menghafaz Al-Quran amat berhajat kepada tadabbur dan penghayatan agar bahasa dan ilmu dalam mukjizat ini diperoleh.
Berkelana ilmi bermula dari Palestin ke Mekah, ke kawasan Bani Hudzail kemudian Madinah. Berterusan ke Iraq dan Mesir. Aktiviti Musafir akan terus memberi pemantapan kompetensi hasil	Kesungguhan mempelajari bahasa perlu jitu dan mapan. Segala bentuk peluang bermusafir untuk merasa suasana Araba mat digalakkkan. Namun untuk merasakan suasana persekitaran Arab juga boleh diperoleh dari media massa, gajet dan media elektronik. Ini akan membantu kompetensi bahasa. Manakala performansi bahasa akan	Musafir akan menambah ilmu dan memperkaya pengalaman dan memperoleh bahasa fushah serta memahami kebudayaan pelbagai bangsa. Bermusafir ke persekitaran Arab

perolehan ilmu dan bahasa dari kawasan tersebut. Seterusnya akan mewarnai performansi Imam Al-Shafie dalam muamalah beliau di sana.	berlaku apabila pelajar mampu menghayati dan mengeluarkan semula semua data yang disimpan dari media-media tersebut demi pemantapan bahasa.	akan memudahkan proses pemerolehan bahasa Arab dan membantu aktiviti komunikasi.
Karya Imam Shafie dalam pelbagai bidang adalah bukti performansi yang sangat jelas akan kekuatan ilmu dan bahasa Imam Al-Shafie	Belajar bahasa berhajat kepada kegemaran kepada penulisan. Menulis adalah proses performensi iaitu mengeluarkan bahasa yang dimiliki secara bertulis.	Penulisan amat penting dalam pembelajaran bahasa Arab. Menulis akan membantu pelajar mengetahui kesalahan tatabahasa dan berusaha memperbaikinya. Selain menulis adalah kerja utama penuntut ilmu. Penulisan juga adalah proses menyampaikan ilmu.
Diskusi ilmiah Imam Al-Shafie bersama ulama' sezaman beliau menjelaskan keunikan ilmu dan bahasa Imam Al-Shafie. Keserlahan performansi Imam Al-Shafie semakin nyata melalui kehebatannya berdiskusi dan berbincang.	Pembelajaran bahasa menggalakkan praktis. Iaitu proses performansi oral. Iaitu penghasilan bahasa secara bertutur. Aktiviti perbincangan, diskusi, program bahasa, pembentangan, debat, bercerita dan lain-lain yang menjurus kepada guna bahasa adalah cara menguasai bahasa.	Aktiviti bahasa adalah satu keperluan dalam pembelajaran bahasa. Jelas bahawa bahasa bukanlah sekadar teori tetapi praktis dan proses pertuturan.

Berdasarkan penerangan ini dapat dilihat bahawa segala kelebihan dan kekuatan bahasa Imam Al-Shafie adalah suri teladan pembelajaran bahasa Arab. Oleh kerana zaman yang berbeza, persekitaran yang berlainan maka aplikasi pembelajaran bahasa daripada pemerolehan bahasa Imam Al-Shafie boleh dilaksanakan tetapi mengikut cara yang sesuai. Benar sukar kita mencari Bani Hudzail. Tetapi teknologi kini melalui media social, akhbar, *facebook*, *youtube* menyediakan persekitaran bahasa tulen Arab. Syaratnya pemilihan sajian perlu betul dan berfaedah.

7.0 RUMUSAN

Imam Al-Shafie adalah penutur asli bahasa Arab. Namun bersungguh dalam menimba ilmu demi memelihara Islam. Maka tidak ralat bagi kita melakar pelaksanaan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur asli dengan mengambil teladan murni seorang ulama agung yang dekat dalam kehidupan kita. Walaupun Imam Al-Shafie telah lama meninggalkan kita. Karya dan Ilmu beliau terus menjadi panduan kita dalam usaha mengangkat Al-Quran dan Al-Sunnah dalam kehidupan kita.

8.0 RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady (2009). Pengaruh Mazhab Syafie di Malaysia. Dirujuk pada: 20/3/2017. <https://epondok.wordpress.com/2009/10/17/pengaruh-mazhab-syafie-di-malaysia/>
- Abdul Rahim, SS, M. Ag. (2016). Nazariyyat Ibni Khaldun fi Lughah Al-Arabiyyah wa Ta'limuha fi Mizan Nazariyyah Al-Hadithah.
[Vol 1, No 1 \(2016\) - E-Jurnal Shaza](#)
- Arif Karkhi Abu Hudhair (2015). Al-Imam Al-Shafi'e Syaeran, Jurnal Berwasisit Antarabangsa: Jurnal Al-Shafi'i. Bil. 1, Jan-Jun 2015. Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali. ISBN: 978-99917-65-20-4.(127-155)
- Al-Baihagi, Abu Bakr. (1970). Manaqib Al-Shafie. Kaherah: Maktabah Turath.
- Al-Jundi, Abdul Halim. (1966). Al-Imam Al-Shafie Nasiru Al-Sunnah wa Wadhi'u Al-Usul. Beirut: Dar Al-Qal
- Al-Nashrati, Hamzah. Farqhalı, Al-Hafez. Mustafa, Abd Hameed. (t.t).
- Al-Razi, Fakhruddin. (1953). Adab Al-Shafie wa Manaqibuhu. Beirut: Dar Kutub Al-Ilmiyyah.
- Demiislam.wordpress.Kisah Imam Al-Syafie.
<https://demiislam.wordpress.com/al-hadith/kisah-imam-syafie/>
- Fawzi Al-Ghazali (2006). First Language Acquisition Vs Second Language Learning. What is the difference? The University of Birmingham. The Centre for Language Studies.
- Imil Nasif (1999) *Min Arwaa' Ma Qala As-Shafie (Among Beautiful Words of Imam As-Shafie)* Beirut: Dar Al-Jael.
- Lovememoir.Blogspot.(2010). Jadual Kabilah Quraish. Dirujuk pada 25/3/2017.
<http://lovelymemoir.blogspot.my/2012/03/from-adam-to-muhammad-descendants-of.html>
- Khairurrijal Fahmi Dan Nuruddin (2014) Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Syair Imam Al-Syafi'i (Kajian Struktural Genetik) Jurnal Pendidikan Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban, Vol . 1, Bil .2 Dis 2014.
- Muhammad Abu Zahrah. (1978). As-Syafie: Hayatuhu wa a'sruhu- Ara uhu wa fiqhuhu (2nd ed) Beirut: Dar al Fikr Arabi.
- Muhammad Abdul Rahim (1997) *Diwan Al-Imam As-Syafie* (1st ed), p: 125, 143, 178, 400. Beirut: Dar Al Fikr.
- Rosni Samah (2012). Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12) • disunting oleh: Mohd Shukari Hamzah, Khazri Osman, Moktar Hussain, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Hakim Zainal & Zainuddin Ismail • © Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi • ISBN 978-967-5478-49-9•
<http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>

Saad Yasin As'd Kabha (1998). Ma Buniya A'la Ash'ar Hudzail Min Tasorif Al-Lughah,
Tesis Master, Palestin: Universiti Al-Najah Al-Wataniah.

Safriandi A. Rosmanuddin (2009). Pemerolehan Bahasa Pertama. Dirujuk pada: 21/3/2017.
<https://nahulinguistik.wordpress.com/2009/04/14/pemerolehan-bahasa-pertama/>